

**Bernamea TV Siar Temu Bual Khas Dengan PM Esok
Bernama
7 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Bernama TV akan menyiarkan temu bual khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada pukul 10 malam Isnin (esok).

Ia akan disiarkan dalam rancangan 'Helo Malaysia' menerusi saluran Astro 502.

Temu bual itu akan memberi fokus kepada pelbagai projek pembangunan negara dan program yang memberi faedah kepada rakyat yang telah dijalankan kerajaan di bawah pentadbiran Najib.

Ia juga akan memaparkan program-program khas yang dijalankan kerajaan Barisan Nasional bagi membantu masyarakat keturunan India di negara ini, antaranya Kempen MyDaftar, bantuan kepada sekolah-sekolah Tamil, TUKAR (transformasi kedai runcit) dan TEKUN (tabung ekonomi kumpulan usaha niaga).

Siaran ulangan temu bual ini akan ke udara pada pukul 5 petang (Selasa), 6 pagi (Rabu) dan 5 petang (Sabtu).

Helo Malaysia merupakan sebuah program bual bicara memaparkan tokoh dan personaliti terkemuka yang membincangkan pelbagai isu semasa yang berlaku di Malaysia dan disiarkan mulai 10 malam hingga 11 malam setiap Isnin hingga Jumaat.

Helo Malaysia Edisi Bahasa Tamil pula ke udara pada pukul 10.30 malam setiap Sabtu dan Edisi Mandarin 10.30 malam Ahad.

Bernamea TV menerbitkan berita dalam dan luar negeri dalam empat bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Stesen berita 24 jam ini juga menerbitkan pelbagai program berasaskan berita seperti Jurnal Bernama, Sukan@BernamaTV dan Biz Talk.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940157>